

## Muzik Hybridite Ritual Kematian Saur Matua: Deconstruction Gondang Batak Toba di Sumatera Utara Indonesia

*Monang Asi Sianturi and Clare Suet Ching Chan*

Faculty of Music and Performing Arts Universiti Pendidikan Sultan Idris  
FMSP UPSI Tanjung Malim-Perak, Malaysia

**Abstrak:** Gondang Batak Toba (GBT) ialah satu ensembel muzik yang mengiringi upacara kematian Saur Matua di Laguboti Sumatera Utara. Persembahan muzik dan lagu tradisional GBT dipilih khas untuk mewujudkan suasana gembira semasa upacara kematian seseorang. Kemasukan agama Kristian oleh RMG (*Rheinische Mission Gessellschaft*), serta pengaruh modenisasi, westernisasi dan globalisasi, pelbagai gaya muzik baru telah dipersembahkan oleh pemuzik ensembel GBT. Walaubagaimanapun, pilihan repertoire lagu masih bertujuan untuk mewujudkan suasana 'gembira' semasa upacara kematian. Kajian ini menganalisis punca yang mempengaruhi pilihan repertoire lagu oleh pemuzik dan peserta. Teori dekonstruksional Derrida digunakan untuk menganalisis perubahan dalam gaya muzik GBT dan menerangkan peranan peralihan dari lagu repertoire, estetika lagu dan persepsi orang awam tentang makna 'bahagia' semasa upacara kematian MSM; dan teori hibridit Homi Bhaba untuk menganalisis campuran budaya yang berlaku dalam aspek persembahan muzik GBT. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara postmodernism dan repertoire lagu oleh pemuzik dan peserta.

**Kata Kunci:** *Deconstruction, Hibriditi, Gondang Batak Toba, Ritual Mate Saur Matua*

### PENGENALAN

Pemikiran pasca modern mengeksplorasi fenomena muzik Batak saat ini sebagai representasi budaya yang memperlihatkan identiti status sosial. Kaedah 'dekonstruksi' digunakan dalam pemikiran pasca moden. Pasca moden adalah pemikiran yang mengkritik konstruksi pemahaman modernisme. Sedangkan modernisme adalah pemikiran yang melihat perkara-perkara sebagai konkret, dapat diukur, dan menganggap segalanya boleh diukur secara objektif. Dekonstruksi menolak pembahagian binari iaitu konsep bahawa setiap fenomena dunia terhasil akibat dua kuasa bertentangan ataupun secara pasangan (Ungkang, 2013, ms. 33). Dekonstruksi dalam kes ini menolak oposisi binari sebagai memudahkan penerangan tentang kehadiran pemikiran metafizik Barat.

Dekonstruksi menunjukkan bahawa hasil makna sebelumnya bukanlah erti akhir yang tidak dapat dipertentangkan. Dekonstruksi membawa semangat anti kebebasan yang bermula dari falsafah menuju ke bidang ilmu humaniora lain (ibid, 2013, ms. 34). Derrida secara meluas dikaitkan dengan amalan dekonstruksi. Mendekonstruksi bermakna memisahkan, melepaskan, untuk mencari dan mendedahkan sesuatu fenomena. Dalam amalan kehidupan sosial, orang Batak mengamalkan adat dengan merujuk kepada sistem kekeluargaan *Dalihan Na Tolu* (tungku nan tiga) yang mempunyai hubungan yang saling bersatu dalam setiap individu (*mutual relationship*). Identiti budaya masyarakat Batak Toba (*habatahon*) dikenal pasti melalui simbol bahasa (*verbal*), puak, kampung dan ritual adat (*non verbal*) yang diikuti sejak dari lahir hingga meninggal dunia. Kelakuan pemuzik sebagai individu mempengaruhi kumpulan masyarakat dalam acara kebudayaan. Setiap masyarakat sepanjang hayat

mereka akan mempunyai sikap, tingkah laku, tabiat dan adat mematuhi norma kehidupan dari satu generasi ke generasi (Schreiner, 1978, ms.18). Gejala-gejala perubahan dalam individu, kumpulan atau gabungan dari kedua-dua selaku peserta, secara eksplisit mempengaruhi peluang kepada akulturasi budaya muzik. Dekonstruksi dalam kes ini cuba mendedahkan ruang-ruang kosong dalam fenomena muzikal yang dikaji dan andaian yang dibina dalam fenomena muzik Gondang Batak Toba. Ini termasuk tempat di mana suatu strategi retorik fenomena muzikal menentang logik hujahnya sendiri, iaitu ketegangan antara apa yang ingin dikatakan oleh fenomena muzikal dengan kekangan terhadap pendedahan itu (Barker, 2004, ms. 79). Untuk Derrida, kerana makna dibina melalui permainan metafizika Barat tanpa merujuk kepada dunia objek bebas, hal ini tidak boleh ditubuhkan. Kata-kata dalam pemaknaan Gondang Batak Toba yang berkaitan dalam konteks lain bersifat non-representasional dan makna bersifat tidak stabil sehingga ia terus menerus tergelincir. Jadi, *difference* (perbezaan), yang merupakan konsep utama Derrida, bermakna 'perbezaan dan tergelincir' (Barker, 2004, ms 77). Pendapat Derrida bahawa dekonstruksi bukanlah sesuatu yang hanya menghancurkan sesuatu seperti apa yang kita maksudkan mengenai dekonstruksi, akan tetapi dekonstruksi juga cuba untuk menyusun semula apa yang telah musnah. Sejak tahun 1800-an, Batak menyerap Kristian, agama ini menjadi asas bagi semua aktiviti budaya yang tercermin dalam adat Batak Kristian. Penguasaan penginjil Eropah membawa nilai-nilai kosmopolitan ke tanah Batak iaitu nilai ideologi yang menyatakan bahwa semua suku bangsa manusia merupakan komunitas orang yang memiliki moralitas sama dengan tujuan membentuk hubungan baru saling menghargai. Sehingga dengan cara ini para mubaligh Kristian Zending membuat peraturan dan asas sikap gereja terhadap kegiatan upacara adat Batak Toba bagi penganut Kristian Batak (Schreiner Lothar., 1994, ms. 53-53). (Vergouwen, 1986, ms. 122). (Tobing, 1956, ms. 27). Dalam memahami konsep kematian orang Batak, ia dilakukan dengan melihat bentuk dan kandungan tradisi lisan. Teks pemaknaan fasa kematian ini merupakan bentuk kitaran kehidupan yang dijalani setiap orang Batak, pemisahan antara manusia hidup dan manusia mati. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat 'kehilangan' hubungan yang menyebabkan timbulnya rasa sedih. Peristiwa yang dialami oleh semua manusia.

Orang Kristian Batak lebih cenderung menggunakan pemahaman tradisional mereka tentang budaya dan kepercayaan dalam menghadapi perjuangan dan cabaran hidup yang mereka alami. Ciri-ciri khas ini masih dipelihara sebagai adat sosio-agama tentang kematian seorang tua (lelaki dan perempuan). Mereka memimpin kehidupan sosio-budaya mereka dengan tidak berani untuk melanggar keputusan adat sebagai tingkah laku (*attitude*) yang hidup dalam tatanan adat, seperti upacara kematian Mate Saur Matua sebagai kesetiaan yang berterusan untuk mengekalkan budayanya (*reciprocity and allegiance of enduring*) (Suriasumantri, 1983, ms. 57). Acara kematian ini bukan keadaan yang mesti ditangisi tetapi sesuatu yang bersyukur. Terdapat perhatian khusus anak-anak mereka untuk menunjukkan bahawa keluarga yang ditinggalkan oleh orang-orang yang mati dari usia tua mesti bahagia, bahagia tanpa tekanan dan beban. Pada masa yang sama, satu bentuk penghormatan untuk keturunan kepada ibu bapa apabila mereka mati (Schreiner, 2002, ms. 175). Bagi orang Batak Toba, Mate Saur Matua menjadi tahap tertinggi dalam tahap kehidupan klasifikasi upacara kematian. Si 'mate', telah berjaya menyampaikan keturunannya menjadi 'orang' yang mempunyai keturunan, memiliki status pekerjaan, harta kekayaan dan kedudukan sosial. Sesuai dengan tujuan kehidupan orang Batak dalam konsep utama kejayaan adat *Habatahon* dengan falsafah: *hamoraon* (mempunyai kekayaan dan banyak harta benda), *hagabeon* (kesuburan, mempunyai banyak anak) dan *hasangapon* (mempunyai kuasa dan sangat dihormati). Ritual kematian semasa dahulu berjalan dalam suasana sakralitas mengikuti perjalanan protokol adat tradisional Batak Toba sebagai konsep menciptakan kembali "*sustainability*" keberlanjutan sebuah konsep sosial kultural (Chan, 2014, ms. 59). Pada masa ini, seluruh keluarga sepatutnya menghiburkan diri sendiri di hadapan si 'mate' dan orang awam, melakukan tarian tradisional dan tarian hiburan. Mereka mengadakan pesta selama beberapa hari dengan iringan musik mainstream, iaitu muzik Gondang Batak Toba.

### **Muzik Gondang Batak Toba**

Nilai-nilai (*value*) sakral adatnya sebahagian mulai menghilang. Sehingga sekarang masih ada bersepadu secara kukuh sebagai penanda konsep simbolik yang menggunakan muzik Gondang Batak Toba pada upacara adat di masyarakat Batak Kristian

(Simanjuntak, 2012, ms. 237). Keadaan ini merupakan hakekat adat Batak yang meyakini bahwa sesuatu apapun tidak boleh berubah, kecuali kematian. Sehingga, dapat disebut variabel fase kematian MSM ini tidak berubah.

Identiti Batak Kristen merangkumi kedua-dua identiti Batak dan Kristen. Identiti Batak Kristen terbentuk dari suatu proses interaksi dan integrasi kepada perubahan konsep dan gagasan yang nyata dan visual, kerana ada gejala sikap *reduction* (mengurangkan) apa yang dianggap penting. Penyederhanaan monosemi oleh zendingisasi membawa kepada terwujudnya pemakaian muzik pengiring Gondang Batak Toba semasa upacara kematian MSM. Muzik Gondang Sabangunan merupakan suatu tradisi masyarakat Batak Toba yang masih dikekalkan hingga saat ini sebagai orientasi kebebasan tempatan bagi komuniti terhad iaitu untuk kalangan orang Batak Toba sahaja. Gondang Sabangunan mempunyai unsur penting dalam setiap upacara orang Batak, dia adalah bagian dari struktur genealogis yang berkuat kuasa hari ini (Purba, 2005, ms. 9). Muzik Gondang Batak Toba sekarang ini menjadi representasi penyebutan untuk aktiviti Gondang Sabangunan dan perubahan yang dialami secara am. Penggunaan perkataan gondang dalam konteks yang berbeza-beza itu memberi gambaran tentang konsep berfikir orang Batak Toba mengenai muziknya, membezakan antara upacara/pesta adat, upacara bukan-adat dan upacara 'agama' (kepercayaan asli) serta pengelompokan *gondang* dan *tortor* dari unsur-unsur kekerabatannya. (Simangunsong, 2013, ms 14). Gondang Sabangunan Batak berkaitan dengan upacara yang mengikuti pada protokol adat. Adat dari Gondang Sabangunan mengandungi peraturan struktur gondang dan tarian tradisional (*tortor*) yang dilampirkan kepadanya. Dalam penyebaran Gondang Sabangunan dalam upacara adat MSM dapat dikongsi mengikut bentuk aktiviti upacara, kumpulan responden (peserta upacara), tujuan dan struktur muzik. Ensemble tradisional Gondang Sabangunan, mengalami proses perubahan *diversification* (kepelbagaian) melalui penerapan masuk alat muzik Barat untuk pengiring upacara adat Batak Toba. Modernisasi yang mempengaruhi budaya Batak pada awal abad 20 adalah berasaskan kedatangan para misionaris telah memperkenalkan alat-alat muzik barat yang diguna dalam aktiviti upacara-upacara ritual dan keagamaan orang Batak, proses standardisasi berlaku apabila dua budaya yang bertemu. Alat muzik tradisional Gondang

Sabangunan yang digunakan dalam semasa upacara tradisional kematian MSM terdiri dari: 1) *Sarune Bolon* - alat muzik ditiup (*end blown flute/double reeds*) pembawa melodi. 2) *Taganing* - set gendang 5 rak nada yang ditala (*drum chimes*) pembawa melodi. 3) *Gordang Bolon* - jenis gendang besar yang sama seperti Taganing membawa irama variabel. 4) Ogung - set gong berpencu bulat terdiri daripada empat keping. dan 5) Hesak - sebagai pembawa irama konstan.



### Konsep Muzik Gondang Batak Toba

Perkataan gondang berkaitan dengan banyak aspek. Walaupun perkataan gondang mempunyai persamaan erti dengan 'muzik', tetapi tujuan menggunakan perkataan 'muzik' dengan gondang tidaklah sama. Perkataan 'muzik' memberi arti yang berbeza dengan perkataan gondang. Perkataan "muzik" dikaitkan dengan musik moden sedangkan perkataan gondang dikaitkan dengan musik tradisional. Gondang Sabangunan mengalami intipati simbol identitas ajaran agama baru Kristian dengan 'kebatakan', perubahan ini berlaku terhadap makna pergeseran *dekontekstualisasi* identiti Gondang Sabangunan pada upacara adat Batak. Kumpulan baru ini disebut muzik "Gondang Batak Toba" (GBT) (penulis memberi nama ini untuk perbualan kemudian) dalam bentuk *combo band*, istilah dalam muzikologi (Barat) sebagai ensemble kecil yang mempunyai peranan sebagai penyedia instrumental maupun pengiring lagu-lagu vokalis. Combo ini terdiri daripada 6-10 orang dalam pelbagai formasi yang disokong oleh peralatan amplitud sound dengan penggunaan tenaga elektrik.

### Pendekatan Dekonstruksi Hibriditi Muzik


Kehadiran muzik Gondang Batak Toba (GBT) menjadi *mainstream* yang diberi nama secara am bagi orang Batak disajikan dalam bentuk *combo band*. Penggunaan unsur-unsur alat muzik Barat dalam kumpulan ini dapat diterima oleh masyarakat Batak

Toba. Penyertaan alat muzik *taganing* dalam tradisi muzikal Gondang Sabangunan dilampirkan pada kelompok baru ini dengan menyebut muzik Gondang Batak Toba. Penamaan muzik Gondang Batak Toba, menjadi sebutan dalam masyarakat Batak Toba sebagai kombinasi antara penamaan muzik tradisional *gondang* dengan perkataan ‘muzik’ yang digunakan secara am dalam pluralisme universal orang Batak. Gejala komodifikasi masuk dalam sistem muzikal orang Batak. Pergeseran masa pemodenan bergerak pada gejala pasca moden, satu produk budaya yang sebulat suara dipersetujui bersama oleh masyarakat pengguna, iaitu muzik Gondang Batak Toba sekarang ini. Untuk memahami gejala ini, pendekatan dekonstruksi diguna untuk menganalisis muzik secara objektif dan fenomena *combo band* muzik Gondang Batak Toba sebagai komoditi baru. Perbezaan bahan utama pelaksanaan yang diguna dalam upacara MSM melibatkan karakter tekstual yang tampak nyata seperti simbol, sikap, tingkah laku, kebiasaan dan kelaziman, amalan muzik GBT saat ini adalah reduksi budaya terhadap pola-pola ‘baru’ yang dialami orang Batak. Hal ini menjelaskan bahawa dengan kaedah dekonstruksi yang ditawarkan oleh Derrida cuba membongkar perubahan yang berlaku, dalam melihat perkara baru dari narasi-narasi budaya yang tercermin dalam upacara kematian MSM itu. Tujuannya adalah untuk memperlihatkan kesan-kesan, sedapat mungkin menggali lebih dalam elemen-elemen metafora muzik ‘Gondang Batak Toba’ dan hal-hal figuratif (kepelbagaian) yang terdapat dalam kaidah teks-teks budaya muzik Batak Toba (Norris, 2003, ms. 58).

Pendekatan dekonstruksi digunakan untuk menyatakan kehadiran hegemoni muzik GBT sebagai simbol perangkat upacara kematian MSM yang dipergunakan sampai hari ini. Muzik ‘baru’ memiliki pengaruh yang kuat terhadap kewujudan muzik tradisional Batak Toba, iaitu kekuatan hegemoni yang diguna masyarakat pengguna hakikat teks ini. Dominasi budaya barat melakukan konsensus terhadap tradisi muzik Batak yang terkesan memiliki sikap menerima ‘kekuatan’ budaya barat itu dengan paham baru Kristian, bahawa pada akhirnya menjadi disepakati bersama. Pendekatan dekonstruksi ini tidak memberi keyakinan terhadap erti monosemi (satu makna) tradisi muzikal Gondang Sabangunan, berbanding pendapat Hartmann,


*“deconstruction”, which reveals that turn being taken, not only against the will of the author,*

*since it is preinscribed in language, but also because any author who stands in that turn cannot express that experience, that impersonification, except by words that sound, willy-nilly, mystical, like a displaced or negative theology. (Hartmann, 1980, ms. 7).*



Pengiring muzik upacara kematian Saur Matua saat ini terpola menjadi dua bahagian, iaitu orientasi finansial secara universal (*mayor label*) dan orientasi kebebasan tempatan bagi komuniti terbatas (*indie label*) perihal konteks muzik tradisi. Kebutuhan pasar tercipta melalui proses standardisasi, homogenisasi dan komodifikasi Gondang Batak Toba yang dipersetujui untuk memenuhi keperluan rakyat. (Khadavi, 2014, ms. 47). Dekonstruksionis dengan pendekatan post-strukturalism dan post-modenitas ini merupakan alternatif kajian terhadap teks budaya muzikal genre baru, menjadi alasan utama penyelidikan ini dilakukan. Bhabha menyebut ada ruang antara ruang hibriditas ataupun ruang liminal. Di ruang jurang inilah pelaku muzik menemukan sebuah strategi memunculkan genre baru. Bukan melawan dengan cara frontal, melainkan semacam “penipuan” budaya, yaitu dengan mengambil alih tanda-tanda budaya barat terhadap muzik Batak, diberi isi sehingga menghasilkan identitas dan cara hidup yang baru. Dalam persembahan, muzik GBT disajikan dengan formasi *combo band* yang menggunakan elemen muzik Barat dan nyanyian-nyanyian dalam lagu harmoni tonal mayor-minor Barat dan juga adaptasi muzik tradisional Batak. Keragaman medium alat muziknya ialah: 1) Trumpet soprano *in bes*. 2) Saxophone *in bes*. 3) Trombon Slide. 4) Kibod elektrik. 5) Bas Gitar elektrik. 6) Drum Set. 7) Taganing . 8) Sulim.





### Makna Kegembiraan

Konsepsi upacara kematian MSM untuk orang-orang Batak Kristian, memahami upacara ini untuk tidak menyembah ibu bapa yang mati. Tetapi sebagai ungkapan rasa syukur kepada Yang Maha Kuasa atas anugerah umur panjang kepada orang yang mati Saur Matua, diwujudkan melalui sebuah upacara terhormat yang memerlukan biaya besar. Di kawasan Toba Samosir, orang-orang Kristian telah melaksanakan upacara-upacara itu dalam bentuk yang diubahsuai. Walaupun konsep religi MSM sebagai “kematian ideal” tetap dikekalkan, kerana orientasi sosio-budaya masa kini menganggap mati di usia yang sangat tua adalah kematian yang paling baik (Hasugian, 2017, ms. 234). Mate Saur Matua menjadi terhormat dari kedudukan klasifikasi upacara kematian, kerana mati dalam konteks ini, ketika semua anaknya telah berumah tangga, mengalami kejayaan kewangan dan kedudukan terpancang seperti termaktub dalam filosofi *Dalihan Na Tolu*. Untuk orang tua yang telah bercucu dari semua keturunannya apabila dia meninggal dunia, akan diadakan upacara khusus sebagai tanda penghormatan yang disebut upacara adat MSM. Si ‘mate’ ini mendapat rawatan khas, meletakkannya di peti mati yang bagus dengan meletak bunga-bunga simbol kesuburan. Ditahan selama enam hingga tujuh hari sebelum dikebumikan. Perubahan berlaku dengan pemahaman untuk tidak mengamalkan penyembahan roh-roh orang mati. Ajaran agama Kristian untuk menghormati orang tua tidak lagi kepada si mati, sebab hubungan antara orang hidup dan orang mati telah putus. Penghormatan dilakukan kepada Tuhan dengan tetap melakukan ritual tarian dengan iringan lagu-lagu rohani Kristian (ISchreiner, 2002, ms. 180). Bentuk ritual yang masih berlangsung/continuu hingga kini, dilakukan oleh masyarakat Batak Kristian sebagai perwujudan adat yang bersifat pola hidup. Kebudayaan baru memasuki skop tatanan sosial perilaku adat mereka selaras dengan pengaruh yang telah diterima,

budaya tradisional dan agama baru mengalami perjumpaan.

### PERMASALAHAN KAJIAN

#### Kesan Budaya Modernisasi

Kewujudan pertemuan budaya Eropa, budaya Batak pribumi dan budaya moden membawa *paradigm* baru kepada cara hidup orang Batak dari semua aspek. Pemodenan adalah wujud sains baru mengenai pendidikan dan lainnya mengalahkan pertahanan kekuatan tradisional Batak yang secara sistematis dibangkitkan. Begitu juga, kemajuan ekonomi dunia berkaitan dengan perdagangan mengguncang asas ekonomi masyarakat (Ranjabar, 2006, ms. 96). Mereka membawa konsep metafizik Barat, sistem muzik baru datang dengan pemahaman *diatonic scale*. Performing muzik dilakukan perangkat teknologi moden muzik tembaga kuning *brass band*, ensemble muzik ini diberi nama Muzik Tiup Batak non unsur-unsur elektrik. Dalam dekad ini, brass band sempat menjadi ikon muzik orang Batak Kristian yang dimainkan secara masif. Proses hegemoni yang dilakukan dengan sengaja dan menjadi sebuah persetujuan bersama melalui ajaran Kristianisasi dan pemodenan yang telah memasuki elemen-elemen budaya Batak. Terjadinya substitusi/penggantian instrument peralihan alat muzik dalam iringan persembahan muzik Gondang Batak Toba di upacara MSM. Kerana kita mesti melihatnya secara keseluruhan sebagai kumpulan muzik tradisional dan satu pihak muzik GBT sebagai kumpulan muzik *mainstream* dalam bentuk combo band. Pemodenan berfokus pada pengalaman manusia menerusi pengalaman peribadi (*inner experience*) atau pengalaman sosial dalam bentuk kesadaran sebuah perubahan dan penyesuaian yang dilakukan terhadap perubahan tersebut. Keadaan modenitas adalah satu aspek pengalaman yang diwakili oleh nilai-nilai modenisme (Harrison, 2001, ms. 127). Dimana istilah Westernisasi dan Modernisasi meneruskan dengan ‘menerima’ cara-cara budaya Barat, prinsip dan nilai serta hal-hal lain yang menggunakan alat kemajuan dalam memelihara tradisi budayanya. Dan, melihat cara hidup orang Batak sekarang dalam era moden untuk memperlakukan muzik dalam siklus kehidupan sosial pada upacara kematian Saur Matua. Setiap orang menjadi bahagian daripada dunia yang dihuninya. Seperti disebutkan Bruno Nettl,

*which represent different ways in which non-Western societies have adapted Western culture,*



*the one representing a kind of "buying into" Westerns ways, accepting the principles and values of the west, and the other using western technology and techniques to permit maintenance of the indigenous tradition. (Nettl, 2005:433).*

Kehadiran muzik Gondang Batak Toba versi 'combo band' dalam upacara kematian Mate Saur Matua menjadi sebuah perubahan disebabkan oleh pemodenan dan Westernisasi, yang digambarkan oleh Bruno Nettle sebagai persamaan dengan sedikit perbezaan (Nettl, 2005, ms. 432). Unsur Barat yang digunakan sebagai bentuk baru dengan terus menggunakan sistem lama sebagai asas untuk konsep muziknya dalam upacara tradisional *Mate Saur Matua*. Terjadinya proses pembezaan yang membuat ke-khususan pada elemen muzik oleh misionaris, mengukuhkan komuniti mereka 'lebih menonjol' dari masyarakat Batak atas asas pengakuan perbezaan itu. Pada awalnya misionaris membuat asas perubahan menggantikan gondang dengan alat musik trumpet yang dianggap 'suci'. Dekad seterusnya, proses interaksi kumpulan 'Muzik Tiup' (*brass band*) bercorak ajaran Kristian sebagai awal berlakunya penyeragaman/*homogenisasi* (*proses yang digunakan untuk membuat campuran*). Muzik Tiup mengambil peranan dalam kegiatan upacara adat Batak Toba Kristian. Kumpulan Muzik Tiup dikonstruksi sebagai suatu identiti baru, sebab pada mulanya ajaran Kristian harus meletakkan dirinya sebagai pemegang kendali (*sacralizes identity*), iaitu bercakap tentang elemen muzik tradisional Batak Toba yang mempunyai pengaruh terhadap perkara-perkara baru. Budaya '*influence*' ini dipengaruhi oleh westernisasi yang dibawa oleh *christianity*. Transformasi ini diterangkan oleh Margareth J. Kartomi sebagai fenomena muzik kerana hubungan dua atau lebih budaya (Kartomi, 1983). Fungsinya adalah memiliki peranan yang strategik dan penting sebagai fungsi sosial adat iaitu keperluan *margondang* /*marmusik* untuk mencapai tujuannya sebagai warisan yang dipergunakan dalam upacara adat Batak Toba. Aktiviti ini dilakukan secara masif di seluruh daerah tradisional tanah Batak sampai ke kawasan diaspora orang Batak Toba.

### **Pengaruh Globalisasi**

Sumber-sumber sejarah merupakan hal penting untuk mengetahui keadaan komuniti penerima proses akulturasi itu bermula atau *base line of acculturation*. Pelbagai kemungkinan kemunculan budaya baru tidak boleh ditolak, kumpulan komuniti dan individu

menyedari pergerakan perubahan, peralihan dalam struktur nilai (Nettl, 2005, ms 433). Kenyataan ini menunjukkan ada aspek elemen penting dalam proses kontak budaya itu, *agent of acculturation* oleh individu-individu turut menentukan elemen budaya baru masuk ke dalam budaya lama. Globalisasi pada dasarnya adalah satu proses idea-idea yang dibangkitkan, kemudian ditawarkan untuk diikuti oleh negara-negara lain yang akhirnya mencapai titik persetujuan bersama dan menjadi garis panduan yang sama bagi negara-negara di seluruh dunia. Hasil kemodenan itu membuat daerah kecil Laguboti menjadi sebuah perkampungan global. Ciri-ciri kemodenan bandar memasuki ruang budaya tradisionalnya akibat *globalization*. Pemikiran untuk merevisi kemodenan akibat globalisasi dengan membuat penambahbaikan disana sini, fenomena muzik Batak Toba bergerak me-rekonstruksi dirinya menjadi sebuah kumpulan dengan genre baru. Globalisasi pada dasarnya adalah satu proses idea-idea yang dihasilkan, ditawarkan untuk diikuti kawasaan lain yang pada akhirnya mencapai kesepakatan bersama bagi negara-negara di seluruh dunia. Hasil kemodenan itu membuat kawasan Laguboti menjadi sebuah perkampungan global yang menerima persetujuan itu. Ciri-ciri kemodenan bandar memasuki ruang budaya tradisionalnya akibat *globalization*. Pemikiran untuk merevisi kemodenan akibat globalisasi dengan membuat penambahbaikan disana sini, fenomena muzik Batak Toba bergerak me-rekonstruksi/ membina semula dirinya menjadi sebuah kumpulan dengan genre baru. Pelbagai kemungkinan kemunculan budaya baru tidak boleh ditolak, kumpulan komuniti dan individu menyedari pergerakan perubahan, peralihan dalam struktur nilai (Nettl, 2005, ms 433). Dalam perjalanannya, peraduan muzik Gondang Batak Toba mengalami pelbagai proses sejak kemasukan Christian Zending di tanah Batak. Seperti, sekumpulan *brass band* kuingan (muzik tiup tembaga) yang berlangsung selama dua dekad. Identiti kumpulan muzik ini telah berubah lagi dengan kemasukan unsur-unsur pemodenan yang menembusi dunia pada awal abad ke-20, dengan memasukkan unsur-unsur muzik elektrik untuk menggantikan muzik lama sebelum dibentuk dalam kumpulan muzik Gondang Batak Toba dalam kajian ini. Melihat tranformasi budaya Barat dan Batak, perlu adanya pendekatan antropologis terhadap muzik dalam skop etnomuzikologi. Lebih khusus lagi, John Blacking

menegaskan bahawa peristiwa muzik budaya adalah produk amalan muzik yang digabungkan dalam aktiviti manusia. Muzik itu dikawal secara manusiawi (Blacking, 1973, ms 3). Jadi untuk melihat fenomena muzik GBT dalam upacara MSM, tidak terlepas dari peranan aktiviti pemuzik sebagai manusia yang melahirkan karya 'baru'. Pemuzik sebagai individu, memiliki latar belakang basic pekerjaan yang berbeza-beza bersepadu dengan faham multikulturalis yang dianggap bersifat 'perkauman' dan 'diskriminasi' cenderung melekat kepada satu pandangan iaitu budaya Barat. Budaya yang merangkumi sistem nilai budaya sosio-dunia dunia, termasuk budaya orang Batak Toba di Laguboti Sumatera Utara.

### Peranan Autoriti Peserta

Identiti budaya orang Batak asli (*habatahon*) adalah sebahagian dari konsep dan persepsi diri tentang bahagian perasaan dari satu kumpulan. Mereka berkaitan dengan rasa kebangsaan, etnik, kelas sosial, agama, generasi, lokalitas sebagai orang Batak. Dengan cara ini, identiti kebatakan menimbulkan ciri-ciri individu atau kumpulan yang identik menunjukkan identiti kebudayaan yang sama. Bukan hanya pemuzik saja dalam kumpulan dan individu dalam membentuk konfigurasi terminologi muzik GBT dengan nilai-nilai baru. Rujukan kepada pendekatan teori ini dibina dalam memahami peranan pemuzik individu dalam satu acara. Sehingga peranan individu-individu dan individu dalam kumpulan sebagai orang Batak, dalam hal ini sikap pemuzik dan peserta meletakkan kesetiaan adat Bataknya dalam proses transformasi budaya muzik tradisional Gondang Sabangunan kepada bentuk budaya muzik Gondang Batak Toba sekarang ini. Kes ini akan menarik sebab dalam penyelidikan ini akan ada pembahasan muzik Batak yang dikaji seperti; muzik, gaya, genre dan instrumen. Dalam fasa kehidupan orang Batak, manusia kadang-kadang harus mengikuti kebenaran performatif dalam kitar budaya mereka. Kebenaran performatif budaya Batak membawa kepada cara hidup yang tertib, adat yang stabil. Pandangan autoriti individu dalam idea dan tingkah laku ini, menunjukkan bentuk dan watak lagu yang tampak dibentangkan di persembahan muzik dalam upacara MSM sekarang ini. Dalam pertunjukan kebudayaan, acara muzikal upacara MSM sebagai kebenaran tradisi Batak, masyarakat yang berorientasi kepada kebenaran pemegang autoriti atau pihak berkuasa/penguasa. Bagi orang Batak Toba tradisional

yang masih sangat taat dengan adat, aturan ini seolah-olah menjadi kebenaran mutlak yang tidak boleh dilanggar. Tetapi disebabkan zaman, perubahan tidak dapat ditolak. Pemegang kuasa autoriti yang menjadi rujukan adalah: a) Pemuzik. Gagasan pemuzik dalam mengakulturasi repertoar lagu menunjukkan otoritas mereka selaku musician dengan pelbagai latar belakang 'ilmu muzik' yang melekat pada mereka. Pemuzik Gondang Sabangunan menyajikan repertoar gondang sesuai konteks upacara adat yang sistematis. Dalam konteks muzik GBT, berperan membuat lagu-lagu baru untuk iringan upacara adat iaitu pada konversi lagu Mula-mula, Pasu-pasuan dan Hasahatan. b) Partisipan Para peserta upacara tradisional mengikuti protokol adat yang telah digunakan. Dalam konteks muzik GBT ini, para peserta upacara secara bebas menentukan lagu permintaan pada gondang Pasu-pasuan ke para pemuzik. Aktiviti spontan ini dijalankan berasaskan citarasa partisipan. c) Tokoh Adat. Tokoh adat sebagai pemimpin tradisional melakukan permintaan gondang (*paminta gondang*) sesuai dengan konteksnya. Peranan para pemimpin adat dalam hal perubahan ini mengalami perubahan berikutan kepada selera para peserta upacara.

### HASIL KAJIAN

Lagu-lagu yang dipersetujui oleh pemuzik dan partisipan adalah lagu mainstream pada pesta upacara adat dalam bentuk teks/nyanyian dan non teks dengan iringan melodi berikutan kemampuan dan keinginan pemuzik menghuraikan keinginan peserta. Kerana, sebagai seorang individu, dia secara eksplisit mempengaruhi akulturasi kumpulan yang kuat. Pemuzik ini menjadi penentu (*expert prescriber*) yang berfungsi sebagai pengarang atas masalah dan penyelesaiannya. Manakala dalam budaya terdapat proses pembelajaran yang besar, manusia cenderung terus mencari bentuk-bentuk baru (Peursen, 1988, ms. 144). Tafsiran lagu-lagu dalam repertoar gondang yang menjadi substitusi oleh idea dan gagasan pemuzik mempunyai hubungan/berafliasi dengan latar belakang pekerjaan pemuzik itu sendiri terhadap produk budaya yang dihasilkan. Sebagai contoh, bekerja sebagai pemuzik opera tradisional, pemuzik band terkenal, pemuzik gereja, ahli muzik tradisional, pelajar muzik dan musisi otodidak. Basic pemuzik sekaligus mempengaruhi jenis lagu dan repertoar yang dimainkan dalam konteks ketiga bagian itu. Memunculkan gaya, genre dan jenis tampilan lagu tersebut, yang nampak melalui melodi instrumen muzik

ataupun bentuk nyanyian-nyanyian yang ditampilkan. Penentuan lagu-lagu dalam repertoar yang disajikan dalam persembahan Gondang Batak Toba, dilihat dari pandangan emik dan etik terhadap pembentangan disesuaikan dengan konsep persembahan muzik Batak Toba yang terbangun dalam sistem fasa-fasa. Proses homogenisasi dijalankan dengan sengaja dan melalui ajaran Kristianisasi dan pemodenan telah memasuki elemen-elemen budaya Batak. Keadaan modenitas ini menjadi satu aspek pengalaman yang diwakili oleh nilai-nilai modenisme, menjadikan adanya substitusi/penggantian peralihan alat muzik dalam iringan persembahan muzik Gondang Batak Toba di upacara MSM. Sebab pemodenan memberi tumpuan pada pengalaman manusia menerusi pengalaman peribadi (*inner experience*) atau pengalaman sosial dalam bentuk kesadaran sebuah perubahan dan penyesuaian yang dilakukan terhadap perubahan tersebut. Bruno Nettl menjelaskan hal ini dalam bukunya *The Study of Ethnomusicology. Thirty-One Issues* (Nettl, 2005 ms. 470). Keperluan *margondang /marmusik* untuk mencapai tujuannya sebagai warisan yang digunakan dalam upacara adat Batak Toba. Aktiviti ini dijalankan secara masif di seluruh kawasan tradisional tanah Batak sampai ke kawasan diaspora orang Batak Toba. Kehadiran muzik Gondang Batak Toba 'combo band' menjadi sebuah perubahan disebabkan oleh pemodenan dan Westernisasi, yang digambarkan oleh Bruno Nettl sebagai persamaan dengan sedikit perbezaan (Nettl, 2005, ms. 432). Unsur Barat yang digunakan sebagai bentuk baru dengan terus menggunakan sistem lama sebagai asas konsep muziknya dalam upacara tradisional *Mate Saur Matua*.

#### HUJAHAN

1) Transformasi kepada perubahan yang berlaku dari kedudukan muzik tradisi Gondang Sabangunan dengan melodi *pentatonic* tradisional dalam mengiringi upacara kematian MSM ke dalam bentuk sekarang adalah diakibatkan: a) Zendingisasi Kristian yang membawa unsur muzikal gereja dengan idiom-idiom harmoni Barat dengan lagu-lagu yang berpunca daripada kesusasteraan Nyanyian Gereja (*Buku Ende*) dan b) unsur budaya Pemodenan, Westernisasi dan Globalisasi menggeser kedudukan elemen dan sistem muzikal Gondang Sabangunan kepada Instrumen Barat. Bentuk persembahan berubah, namun masih duduk di repertoar dengan fungsi yang sama dengan

nama muzik Gondang Batak Toba. Sehingga saya berhujah / berargumentasi bahawa repertoar muzik GBT dalam upacara MSM pada hari ini (2019) telah dipengaruhi oleh: 1) Keupayaan pemuzik untuk menentukan pilihan repertoar muzik. 2) Keupayaan peserta untuk mencadangan lagu-lagu yang ingin dimainkan. 3) Keupayaan pemuzik dan peserta untuk memilih repertoar lagu yang ingin dipersembahkan semasa upacara MSM menunjukkan berlakunya peralihan autoriti penentu repertoar lagu. Peralihan autoriti mutlak dari tokoh adat kepada pemuzik dan peserta memaparkan perubahan dalam yang berasaskan kepada struktur masyarakat yang terdedah kepada aspek modernisasi, westernisasi dan globalisasi. Pendedahan ini mempengaruhi estetika persembahan muzik untuk membangkitkan perasaan 'gembira' semasa upacara MSM

#### Hipotesa

Masyarakat Batak pada awalnya mengalami proses akulturasi budaya baru membuat resistensi (perilaku bertahan) terhadap peradaban baru, yang pada akhirnya dapat berasimilasi secara jelas dalam bentuk performa baru adat Batak Kristen yang berlaku hingga sekarang ini. Keberadaan muzik GBT yang terdapat dalam masyarakat Batak Toba adalah satu kes dalam penyelidikan ini.. Gejala paradoks yang berlaku dalam pertemuan dua kultur yang berbeda memunculkan reaksi dan sikap tertentu atas identitas dan persepsi diri masyarakat Batak yang sudah terbangun diatas pondasinya bertemu dua sisi sikap yang berseberangan antara lingkungan adat tradisional dengan persepsi sosial yang muncul dalam bentuk baru.

#### RUJUKAN

- [1] Barker, Chris. 2004. Cultural Studies. Teori dan Praktik. Terjemahan Nurhadi. Yogyakarta: Kreasi Wacana.
- [2] Blacking, John. (1995). *Music Culture, & Experience: Selected Papers*. Edited and with an introduction by Reginald Byron. Chicago: University of Chicago Press.
- [3] Chan, Clare. S. C., and Jean Penny. 2014. *Sustainability in Music and the Performing Arts-Heritage, Performance and Education*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [4] Harrison, C., P. Wood, dan J. Gaiger. 2001. *Art in the Theory 1648-1815: An Anthology of Changing Ideas*, Blackwell: Oxford University.



- [5] Hartman, Geofferey. 1980. *Critism in the Wildernes*. Baltimore, Md: John Hopkins University Press.
- [6] Hasugian, Relly M. 2017. *Upacara Kematian Saur Matua Batak Toba: Analisa Tradisi Lisan*. Lingua Vol 14 No.2. Surakarta: Center of Language and Cultural Studies.
- [7] Khadavi M. Jadid. 2014. *The Deconstruction Indonesian Music Pop in Perspective Industry Culture*. Volume 9, No. 2. Pasuruan: Jurnal Humanity.
- [8] Kartomi, Margaret J. (1981). *The Processes and Results of Musical Cultural Contact: A Discussion of Terminology and Concept in Ethnomusicology*. No. XXV-2: Bloomington: Indiana University Press.
- [9] Nettl, Bruno. (2005). *The Study of Ethnomusicology Twenty-nine Issues and Concept*. Urbana and Chicago: University of Illionois Press.
- [10] Norris, Christopher 2002. *Deconstruction - Theory and Practice*. 3<sup>rd</sup> edition., London and New York: Routledge.
- [11] Peursen, C.A. van. 1988. *Strategie van de Cultuur*. (Terjemahan). Yogyakarta: Kanisius.
- [12] Purba, Muly. 2005. *Gondang Sabangunan Ensemble Music of the Batak Toba People: Musical instruments, Structure and Terminology* Medan: Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Seni. Etnomusikologi.
- [13] Ranjabar, Jacobus. 2006. *Sistem Sosial Budaya Indonesia*. Bogor: Ghalia Indonesia.
- [14] Schreiner, Lothar. 2002. *Adat und Evangelium. Zur bedeutung der altvölkischen Lebensordnungen für Kirche und Mission unter den Batak in Nord Sumatra*. Jakarta: BPK Gunung Mulia.
- [15] Simangunsong, Emmy. 2013 *Perubahan dan Kesenambungan Tradisi Gondang dan Tortor Dalam Pesta Adat Perkawinan Pada Masyarakat Batak Toba di Medan*. Medan: Universitas HKBP Nommensen.
- [16] Simanjuntak, Bungaran. A. 2012. *Konsepku Membangun Bangsa Batak dalam Representasi Identitas dalam Ritus Kristen Batak*. Jakarta: Pustaka Obor.
- [17] Suriasumantri, Yuyun S. 1983. *Ilmu dalam Perspektif*. Jakarta: Yayasan Obor dan Leknas Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia.
- [18] Tobing, Ph.O.L. 1956. *The Structure of the Toba-Batak Belief in the High God*. Amsterdam: South and Southeast Celebes Institute for Culture.
- [19] Ungkang, Marcelus. 2013. *Dekonstruksi Jaques Derrida sebagai Strategi Pembacaan Teks Sastra*. Malang: Jurnal Pendidikan Humaniora.
- [20] Vergouwen, J.P. 2004. *Masyarakat dan Hukum Adat Batak Toba*. (terj. Tim). Yogyakarta: PT. LKIS Pelangi Aksara